

01 NOV 1996

Taman

POKOK DITANAM SEPANJANG LEBUHRAYA, JALAN DAN TEPI SUNGAI

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Pokok yang sesuai akan ditanam di sepanjang lebuhraya, jalan dan tepi sungai dalam usaha mengindahkan negara untuk mencapai matlamat menjadikan Malaysia sebagai "Negara Dalam Taman" menjelang 2005.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh hari ini berkata jenis pokok, lokasi dan serta penyenggaraan akan ditentukan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN) dengan kerjasama agensi berkaitan.

Projek menanam pokok itu dijadualkan untuk pelancaran awal tahun depan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Program Bersih dan Indah dan Pertandingan Landskap (Halaman Cantik) sempena Hari Kebangsaan 1996 di sini.

Beliau berharap pihak swasta dan orang awam turut membantu kerajaan menjayakan projek itu, yang kosnya masih belum ditentukan lagi.

Ting berkata sebanyak RM200 juta diperuntukkan kepada JLN di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk kerja-kerja pengindahan landskap negara tetapi kerajaan berharap swasta akan memberi bantuan.

Mengenai sambutan terhadap kempen bersih dan indah yang dilancarkan sejak 1990, Ting berkata kempen itu mendapat sambutan menggalakkan tetapi usaha lebih giat perlu dipertingkatkan untuk mewujudkan Negara Dalam Taman.

Beliau berkata pihak swasta terutamanya pemilik kedai dan kilang boleh membantu dengan mencantikkan landskap di kawasan masing-masing di samping membiayai bil elektrik untuk menjadikan kampung-kampung lebih indah dan bercahaya di waktu malam.

Pada majlis itu, Majlis Daerah Kuala Kangsar, Perak memenangi tempat pertama bagi pertandingan Bersih dan Indah dan menerima geran RM105,000, sijil dan plak, manakala tempat kedua (Majlis Daerah Lawas, Sarawak) yang menerima RM85,000, sijil dan plak, tempat ketiga (Majlis Daerah Kubang Pasu, Kedah) yang menerima RM75,000, sijil dan plak, tempat keempat (Majlis Daerah Lipis, Pahang) yang menerima RM65,000, sijil dan plak dan tempat kelima (Majlis Daerah Tampin, Negeri Sembilan) yang menerima RM55,000, sijil dan plak.

Pertandingan landskap pula bagi kategori Perkampungan, tempat pertama dimenangi Kampung Batu 23, Sungai Nibong Selangor, tempat kedua (Kampung Pendi, Bota Perak) manakala tempat ketiga (Kampung Seronok, Pulau Pinang).

Kampung Sungai Sekawang Negeri Sembilan pula memenangi tempat pertama bagi kategori Kampung Nelayan, tempat kedua (Kampung Pulau Aman, Pulau Pinang) dan tempat ketiga (Kampung Sungai Udang, Kedah).

Bagi kategori Kampung Baru, tempat pertama dimenangi oleh Kampung Baru Tongkang Pecah, Johor, tempat kedua (Kampung Baru Sungai Rotan, Perak) dan tempat ketiga (Perkampungan Juru, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang).

Kategori Perkampungan FELDA pula, tempat pertama (FELDA Jengka 15, Pahang), tempat kedua (FELDA Sungai Koyan, Pahang) dan tempat ketiga (FELDA Air Tawar 02, Johor).

FELCRA Gugusan Sungai Ara, Johor pula memenangi tempat pertama bagi kategori Perkampungan FELCRA manakala tempat kedua (FELCRA Gugusan Keruak, Terengganu) dan tempat ketiga (FELCRA Gugusan Lubuk Sireh, Perlis).

Bagai kategori Perkampungan Estate pula, tempat pertama (Ladang Merlimau, Melaka), tempat kedua (Ladang Chenur, Pahang) dan tempat ketiga (Ladang Air Putih, Kemaman).

Hadiah tempat pertama bagi kesemua kategori diatas ialah RM18,000 dan sijil, tempat kedua pula menerima RM13,500 dan sijil serta tempat ketiga menerima RM9,000 dan sijil.

Sekolah Menengah Tanah Merah 1 pula memenangi tempat pertama bagi kategori Bangunan yang menerima RM5,000 dan sijil, manakala Masjid Ridzuaniah (Riddzwariah), Kedah memenangi tempat pertama bagi kategori Masjid yang menerima RM4,500 dan sijil serta Nirvana Memorial Park, Selangor memenangi tempat pertama bagi kategori Rumah Ibadat Bukan Islam yang menerima RM4,500 dan sijil.

Bagi kategori Kilang pula, tempat pertama dimenangi oleh Petronas Penapisan (Terengganu) Sdn Bhd yang menerima RM4,500 dan sijil manakala Pejabat Majlis Daerah Segamat Utara, Johor memenangi tempat pertama bagi kategori Pejabat-pejabat Kerajaan/Institusi yang menerima RM5,000 dan sijil dan Maybank, Kuala Lumpur pula memenangi tempat pertama bagi kategori Swasta dan menerima RM4,500 dan sijil.

Bagi kategori Hotel/Kompleks Pelancongan/Kondominium/Apartmen Mewah pula, tempat pertama dimenangi oleh Berjaya Langkawi Beach & Spa Resort yang menerima RM4,500 dan sijil manakala Taman Negara Resort yang menerima RM4,500 dan sijil pula memenangi tempat pertama bagi kategori Chalet/Rumah Rehat dan Taman Awam Majlis Perbandaran Taiping, Perak memenangi tempat pertama bagi kategori Taman Rekreasi/Taman Awan yang menerima RM5,000 dan sijil.

Bagi kategori Bangunan Individu pula, tempat pertama yang menawarkan hadiah RM3,500 dan sijil dimenangi oleh Encik Mohamad Noordin Abdullah dari FELDA Jeragau, Terengganu bagi kategori Rumah Tradisional/Kampung, manakala bagi kategori Rumah sesebuah/Berkembar/Teras Lot Tepi dimenangi oleh Encik Lin Yun Pat atau Lin Min Liang dari Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur dan kategori Rumah teres pula dimenangi oleh Encik Yazid Md Idris juga dari Taman Tun Dr Ismail, Kuala Lumpur.

Bagaimanapun, tiada pemenang yang layak untuk tempat pertama bagi kategori Bangunan Awam/Keselamatan manakala tempat kedua disandang oleh Malaysian Airport Bhd, Langkawi yang menerima RM4,000 dan sijil dan tempat ketiga (Taman Etnobotani Muzium Sabah) yang menerima RM2,500 dan sijil. --  
BERNAMA

RHM NAK